

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON
[TEBRAU]**

TARIKH : 15 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 5

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah bantuan yang telah diberi dan langkah-langkah yang akan diambil untuk membela nasib nelayan-nelayan di Kg. Pasir Putih, Kg. Teluk Kabong, Kg. Perigi Aceh, Kg. Tanjung Langsat, Kg. Pasir Salam dan Kong Kong Laut memandangkan air sungai telah dicemari akibat aktiviti-aktiviti pembuangan sisa toksik, air kumbahan yang tidak dirawat dan pengorekan pasir sungai tidak terkawal.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pencemaran sungai yang disebabkan oleh aktiviti pembuangan sisa toksik, air kumbahan yang tidak dirawat dan pengorekan pasir sungai yang tidak terkawal di Kg. Pasir Putih, Kg. Teluk Kabong, Kg. Perigi Aceh, Kg. Tanjung Langsat, Kg. Pasir Salam dan Kong Kong Laut, bukan sahaja telah menjejaskan kesihatan penduduk sekitar malah menyebabkan seramai 224 orang nelayan pesisir pantai turut terkesan. Berdasarkan rekod pendaratan ikan, didapati hasil tangkapan di kawasan tersebut tidak terjejas tetapi hasil jualan nelayan telah merosot sehingga 50

NO SOALAN : 5

peratus kerana orang ramai khuatir ikan yang dijual telah tercemar. Sebagai contoh, pada bulan Mac 2019, jualan ikan di Pasar Nelayan Pasir Gudang telah menurun daripada 60 kilogram kepada 25 kilogram sehari.

2. Usaha yang telah dijalankan untuk mengembalikan semula keyakinan pembeli bahawa ikan di kawasan tersebut tidak tercemar dan selamat untuk dimakan adalah dengan mengadakan promosi jualan ikan dan promosi masakan hasil laut di Pasar Nelayan Pasir Gudang. Kupon diskaun sebanyak RM5 bagi setiap pembelian RM20 ke atas telah diberikan kepada para pembeli. Program ini melibatkan peruntukan berjumlah RM30,000 yang telah disalurkan secara *one-off* kepada Persatuan Nelayan Kawasan Johor Selatan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

3. Hasil daripada promosi yang telah diadakan bermula dari 5 hingga 20 Mei 2019, Pasar Nelayan Pasir Gudang berjaya mengutip hasil jualan berjumlah RM43,650 pada bulan Mei 2019 berbanding RM15,550 pada bulan Mac 2019. Dengan itu, terdapat kesan atau perubahan positif hasil daripada bantuan yang telah diberikan oleh pihak Kementerian.

4. Kementerian akan memantau status sumber perikanan di kawasan tersebut dan meneruskan promosi jualan hasil tangkapan ikan di Pasar Nelayan Pasir Gudang dari semasa ke semasa bagi memastikan pendapatan nelayan di kawasan tersebut tidak terjejas.

Sekian, terima kasih.